Tweet 9

Recommend 1.9k



Hubback merupakan arkitek yang bertanggungjawab menghasilkan seni bina Masjid Jamek - Foto Bernama

**KUALA LUMPUR**: Impian Dr Peter Barbor dari Britain untuk melihat hasil kerja datuknya, Arthur Benison Hubback, di negara ini menjadi kenyataan apabila beliau berpeluang melawat dan melihat sendiri masjid yang dibina berdasarkan rekaan arkitek terkemuka itu lebih 106 tahun lepas.

Hubback merupakan arkitek yang bertanggungjawab menghasilkan seni bina Masjid Jamek yang terletak di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Gombak, antara masjid tertua di Kuala Lumpur, pada 1908.

"Semasa kecil, saya sering melihat gambar masjid ini serta memasang angan-angan untuk datang ke negara ini dan melawatnya.

"Sekarang saya sudah berada di sini, ia merupakan satu penghormatan dan saya amat gembira serta teruja, ia sebuah masjid yang cantik, sungguh cantik," katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Pelancongan Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan 2014 di sini Sabtu.

Turut hadir Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Paimuzi Yahya dan Pengerusi Jawatankuasa Pemuliharaan Warisan dari Institut Arkitek Malaysia Steven Thang Boon Ann.

Masjid Jamek mempunyai unsur seni bina Moor atau Moghul, dan Hubback juga adalah arkitek bagi Bangunan Sultan Abdul Samad, yang terletak di kawasan berhampiran serta berkongsi gaya seni bina sama.

Hubback turut menghasilkan rekaan bagi beberapa bangunan penting lain di Malaysia seperti Stesen Keretapi Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad, Perpustakaan Negeri di Negeri Sembilan dan Anderson School di Ipoh, Perak.

Sementara itu, Paimuzi dalam ucapan beliau berharap seminar dua hari bertema 'Tourism is Dakwah' mampu memberi pendedahan secukupnya kepada peserta yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi dan pemandu pelancong.

"Anda memainkan peranan penting bagi menyalurkan maklumat yang betul mengenai sejarah dan seni bina masjid ini kepada pelancong, terutama pelancong asing yang bukan Islam, yang banyak datang melawat masjid ini," katanya.

Beliau juga berkata seminar itu merupakan antara langkah JAWI dalam mempromosi lawatan ke masjid kepada pelancong bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014. -- Bernama

**Untuk menonton banyak lagi program Astro terkini, layari Astro on the Go http://onthego.astro.com.my**